



SEBAHAGAIAN para peserta bergambar bersama Linda dan tetamu terhormat sambil menunjukkan sijil Malaysia Book Of Record.

ILP Sandakan catat MBOR

Program Mengayuh Basikal 130 Jam

UB 12.11.2012 A6

Oleh **YUSOP TEPPU**

armie_bp@yahoo.co.uk

SANDAKAN: Institut Latihan Perindustrian (ILP) Sandakan telah mencipta satu rekod di Malaysia Book Of Record (MBOR) pada Program Mengayuh Basikal 130 Jam Tanpa Henti di perkarangan letak kereta pasaraya Giant

Batu 6 di sini.

Program Mengayuh Basikal 130 Jam Tanpa Henti itu telah disertai oleh 100 orang pelajar ILP Sandakan.

Majlis penutupan program berkenaan telah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Batu Sapi, Datin Linda Tshen Thau Lin.

Linda yang melahirkan rasa bangga dengan kejayaan yang dilakukan oleh ILP Sandakan ini, berharap ia menjadi contoh terbaik kepada yang lain dalam usaha melahirkan generasi yang cemerlang, berdaya saing, proaktif dan inovatif.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada ILP Sandakan yang mendapat kerjasama baik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) sehingga memperolehi kejayaan memecah rekod berkenaan.

“Ini bukanlah satu perkara yang mudah dilakukan kerana ia perlu mempunyai daya tahan fizikal yang kuat di kalangan

para peserta dan semangat yang tinggi,” katanya.

Pada majlis itu, Linda turut menjelaskan bahawa jalinan kerjasama yang baik antara ILP Sandakan dan UMS ini merupakan satu langkah yang baik dalam usaha perkembangan pembangunan pendidikan di negeri ini.

“Saya berharap jalinan kerjasama ini bukan setakat di sini sahaja tetapi ia dilakukan secara berterusan,” katanya.

Beliau berkata pengabungan dan jalinan kerjasama seperti ini akan mampu memastikan pembangunan pendidikan di Sabah amnya khususnya di Sandakan akan menjadi lebih efisien sekaligus kita endaaapat pengiktirafan sebagai sebuah pusat pendidikan utama di Sabah.

“Semangat dan usaha seperti ini perlu ada sekaligus direalisasikan dalam memacu pembangunan pendidikan sesebuah negara,” katanya.



LINDA menyampaikan sijil Malaysia Book Of Record kepada Azizul sambil diperhatikan oleh Meera dan Khairul.